



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Isnin, Mac 21, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

EN | RU | AR

BERITA »

Senator Chong Sin Woon adakan sesi dialog pertanian di UPM



Oleh: **Noor Eszereen Juferi**

Foto: **Marina Ismail**

SERDANG, 2 Mac – Pengerusi Lembaga Pengarah Koperasi Petani Muda Malaysia, Senator Chong Sin Woon menghadiri Sesi Dialog bersama pihak pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi mengetahui perkembangan terkini mengenai kajian, teknologi dan mekanisasi di universiti.

Beliau berkata, UPM merupakan institusi pengajian tinggi yang telah berjaya mencipta kaedah pertanian baharu dengan menjalankan penyelidikan yang baik yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat.

"Saya berharap masyarakat Malaysia akan menerokai bisnes bidang pertanian kerana hasil penyelidikan kita adalah lebih berkualiti dan kita perlukan mencari saluran yang tepat untuk mempromosikan produk penyelidikan pertanian negara ini," katanya pada sidang media di Fakulti Pertanian, UPM.

Senator Chong yang juga Timbalan Menteri Pendidikan II, berkata kementerian bekerjasama dengan UPM bagi mengkomersialkan produk pertanian yang melibatkan penyelidikan dan petani.

Beliau sebelum itu melawat 18 Showcase Pertanian produk Fakulti Pertanian, UPM antaranya Padi Rintang kepada Penyakit Karah; GanoCare™:Peneraju Kawalan Penyakit Ganoderma Kelapa Sawit; Solar Heater Box; Biobased nanoemulsion of Rotenone for Save and Effective Insect Pest Control; Alamanda-Deriver Biofungicide for The Control of Papaya Anthracnose; Ayam Akar Putra; Putra Red Tilapia; Cultivation of Edible Mushroom; Kenaf and Oil Palm Trunk: Adding Value to the Malaysian Farmers; UAV Drone for Precision Farming; VRT Sprayer for Oil Palm Plantation dan Mesin Kuih Bijan.

Selain itu, terdapat produk dari Institut Biosains UPM turut dipamerkan iaitu Minyak Afhdal, Bonext is a dietary supplement for joints and bone health, Healen-Pembansmi Kuman Menggalakkan Penyembuhan Kulit, Origold Drink dan HS Gold.



Pengurusan UPM yang hadir pada majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran; Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Prof. Dr. –Ing. Ir. Renuganth Varatharajoo; Timbalan Ketua Pustakawan, Muzaffar Shah Kassim dan Dekan Fakulti Pertanian, Prof. Dr. Abd Shukor Juraimi. – UPM

